

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

23. Apakah definisi *ecotourism* dan *agrotourism*?
- (a) Apakah konsep *ecotourism* dan *agrotourism* yang dikenal pasti dan lokasinya?
 - (b) Adakah lokasi berkenaan perlu dilakukan proses pengeluaran enakmen air, warta tali air, akta pemulihan tanah, perlingkungan semula dan ubah syarat tanah
 - (c) Berapakah peruntukan yang bakal disalurkan dalam 5 tahun akan datang?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. *Ecotourism* merupakan aktiviti pelancongan berasaskan alam semulajadi yang memberi keutamaan kepada kebertanggungjawaban untuk memelihara dan mengekalkan keadaan asal kawasan. Manakala *agrotourism* pula merupakan aktiviti pelancongan berasaskan pertanian, perikanan, perladangan dan penternakan.
- (a) Bagi *ecotourism* dan *agrotourism*, konsep dan lokasi yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.
 - (b) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lokasi-lokasi umum yang akan dibangunkan sebagai *ecotourism* dan *agrotourism*. Keperluan pengeluaran daripada enakmen air, warta tali air, akta pemulihan tanah, perlingkungan semula dan ubah syarat tanah adalah tertakluk kepada

pembangunan di atas tanah-tanah yang terlibat.

- (c) Dalam tempoh 5 tahun akan datang, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan bakal menyalurkan peruntukan RM4.9 juta untuk Projek Menaik taraf *Bypass* E,F,G,H,I dan J di Bukit Bendera, Pulau Pinang dan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sungai Tukun, Taman Negara Pulau Pinang. Di pihak Kerajaan Negeri pula, sejumlah RM6.9 juta bakal disalurkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri dalam tempoh 5 tahun untuk penjagaan Hutan Simpanan Kekal. Selain itu, sejumlah RM12 juta untuk tempoh 5 tahun turut disediakan di bawah Jawatankuasa MMK bagi tujuan pembangunan pelancongan Pulau Pinang seperti penganjuran program dan aktiviti berasaskan pelancongan.